

Cara Memulakan Kelab Buku

Disediakan oleh: Mohd Arifin bin Abdul Aziz

Pustakawan

Ingin bertemu dengan beberapa watak yang menarik? Bacalah buku. Sekiranya ingin bertemu dengan beberapa watak sebenar kehidupan yang menarik pula? Tubuhkanlah kumpulan buku! Kumpulan buku atau "kelab buku" merupakan cara yang baik untuk berkomunikasi dengan rakan-rakan dan bertemu orang baharu sambil meneroka dan membincangkan hobi berkaitan buku.

Apa lagi, keahlian dalam kumpulan buku boleh membantu anda kekal bermotivasi untuk membaca jika anda mempunyai kesukaran mencari masa untuk membuka buku. Jika anda tidak berjaya mencari satu kumpulan di kawasan anda, mungkin sudah tiba masanya memulakan dengan sembilan langkah berikut:

1. Kenalpasti keperluan anda

Setapkan kriteria tertentu untuk kelab contohnya perbincangan fiksyen sains sahaja atau hanya bertemu pada hari Khamis dan sebagainya.

2. Cari lokasi untuk perjumpaan awal

Anda biasanya boleh menempah ruang secara percuma di pusat-pusat komuniti, perpustakaan, atau kedai buku untuk membolehkan anda mengadakan mesyuarat anda di sana. Adalah lebih baik jika anda boleh mencari tempat sesuai untuk mengadakan mesyuarat tetap.

3. Edarkan flyer

Hebahkan masa dan tempat mesyuarat pertama dan maklumat lain yang berkaitan. Edarkan *flyer* di kedai-kedai buku dan letakkan di papan buletin komuniti. Anda juga boleh mengiklankan secara atas talian pada laman sosial seperti muka buku (*facebook*) dan blog. Pastikan anda menjelaskan bahawa tujuan kumpulan itu adalah untuk membincangkan perkara berkaitan buku.

4. Persediaan borang

Untuk mesyuarat pertama kali, hendaklah terdapat sekurang-kurangnya dua perkara dalam satu borang iaitu, "Buku Cadangan" serta "Hosting dan Jamuan Ringan". Rekod nama hadirin dan butiran kenalan. Untuk mesyuarat yang berikutnya, masukkan ruangan "Akan Datang" atau jadual bacaan untuk dua atau tiga mesyuarat yang akan datang. Borang ini perlu diisi oleh setiap ahli mesyuarat.

5. Agenda dan pengenalan pada mesyuarat pertama

Jika ahli tidak mengenali antara satu sama lain, memperkenalkan diri masing-masing. Sepanjang perkenalan, edar borang di sekitar supaya setiap orang boleh menulis cadangan buku dan mendaftar untuk membawa minuman atau menjadi tuan rumah.

6. Bincangkan kekerapan dan lokasi kumpulan itu akan bertemu lagi

Beberapa isu yang perlu dibincangkan adalah:

- * Menetapkan peraturan mengenai buku-buku, seperti harga atau kandungan.
- * Harapan dan tanggungjawab ahli.
- * Polisi atau peraturan kumpulan.
- * Mengalukan ahli membawa tetamu untuk membina keahlian kelab buku.
- * Cari orang baru menyertai, atau hadkan saiz kumpulan. Saiz yang paling sesuai kurang dari 10. Jika tidak, ahli tidak berpeluang untuk berbincang dan menyumbang.

7. Membuat keputusan mengenai buku pertama yang dibaca

Cara paling mudah adalah memilih satu buku, seperti buku semasa terlaris. Mohon jasa baik membawa cadangan mereka sendiri dan sebarang ulasan luaran yang mungkin membantu memaklumkan ahli-ahli lain dalam 'book group' ini. Dalam pertemuan itu ahli perlu mengundi tiga judul buku akan datang dan ini memberikan ahli sedikit masa untuk mencari dan membaca buku tersebut.

8. Memilih nama kelab pada akhir mesyuarat pertama

Ini akan menjadikan kelab buku yang lebih rasmi dan ahli akan merasa seperti mereka benar-benar dimiliki. Jangan tergesa-gesa memilih nama dan benarkan ahli mencadangkan idea-idea dan diundi oleh semua orang.

9. Adakan jamuan dan perbualan

Biarkan setiap orang berbual dan menikmati acara tersebut. Pastikan anda bercakap dengan setiap orang supaya mereka selesa dan akan menyumbang dalam kumpulan.



Gambar sekadar hiasan